

26/06/2003

MBSA perkenal khidmat secara online tingkat mutu

Norakmah Mat Youb

SHAH ALAM: Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) memperkenalkan beberapa perkhidmatan secara 'online' bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan mutu kerja Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) itu kepada orang ramai, khususnya warga Shah Alam.

Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Salomon Selamat, berkata antara perkhidmatan yang disediakan ialah cukai elektronik (e-cukai), e-sewa, e-aduan, e-invois dan e-kompaun.

Beliau berkata, kemudahan yang disediakan itu diharap dapat digunakan sepenuhnya oleh warga Shah Alam untuk membayar sebarang cukai atau sewa yang ditetapkan kepada mereka dengan cara yang berkesan dan menjimatkan masa.

"Kita sedar masyarakat adalah pembayar cukai dan mereka berhak untuk mendapatkan perkhidmatan yang terbaik daripada PBT," katanya ketika berucap dalam majlis perasmian Pameran Kajian Perancangan Tempatan Daerah

Petaling dan sebahagian Daerah Klang, di Wisma MBSA, di sini, kelmarin.

Katanya, MBSA juga mewujudkan lima Pusat Komuniti IT (PKIT) yang menyediakan perkhidmatan K-Trak bagi memastikan masyarakat di kawasan pentadbirannya.

"Perkhidmatan ini diwujudkan untuk memberi pendedahan kepada masyarakat terhadap perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi. Antaranya ialah kursus pengenalan komputer dan juga penggunaan internet di kampung tradisional dan juga kawasan yang tidak mempunyai PKIT," katanya.

Salamon berkata, PBT sentiasa membuat penilaian untuk mempertingkatkan lagi mutu perkhidmatan yang diberikan kepada masyarakat selaku pembayar cukai.

Katanya, semua aktiviti dan program yang dilaksanakan MBSA adalah bagi menyahut seruan Perdana Menteri kita, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menjadikan Malaysia sebagai negara maju menjelang tahun 2020.

Dari segi kemasyarakatan pula, katanya, MBSA mewujudkan 12 zon Ahli Majlis untuk mendekatkan orang ramai dengan MBSA, mengadakan program berbentuk pembangunan insan dan kerohanian seperti ceramah motivasi, ceramah perdana, ceramah keibubapaan, program perkhemahan, aktiviti sukan dan membentuk keperibadian murni di kalangan masyarakat.